

MAHATHIR

1978

KUCHING, 23 JAN. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN PERLUNYA PENYATUAN PEGAWAI-PEGAWAI SEMENANJUNG DENGAN SARAWAK DAN SABAH DEMI PERPADUAN NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PROSES PENYATUAN ITU TELAH BERJALAN TERLALU PERLAHAN PADA HAL KEDUA-DUA NEGERI ITU SUDAH BERADA DI DALAM MALAYSIA 15 TAHUN.

BERCAKAP DI SIDANG AKHIR SETIPANYA DI SINI UNTUK LAWATAN SEHARI BELIAU BERKATA PADA MASA INI SANGAT SEDIKIT PEGAWAI DARI KEDUA-DUA NEGERI ITU BERKHIDMAT DI SEMENANJUNG. SEBALIKNYA BILANGAN PEGAWAI-PEGAWAI SEMENANJUNG YANG BERKHIDMAT DI KEDUA-DUA NEGERI ITU AGAK MEMUASKAN.

+SAYA INGIN MELIHAT PEGAWAI DARI SARAWAK BERKHIDMAT DI KAWASAN TERPENCIL DI PAHANG UMPAMANYA, + KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT STRUKTUR GAJI LAPORAN KABINET BAGI SABAH DAN SARAWAK HARUS DISELARASKAN DENGAN DI SEMENANJUNG BAGI MEMUDAHKAN PROSES PENYATUAN ITU.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai gaji akan mengadakan perbincangan dengan para wakil kerajaan Sarawak dan Sabah mengenai perkara itu di sini. -- BERSAMBUNG 1520/RM

EE

B556

MAHATHIR 2 KUCHING

TIBA BERSAMA TIMBALAN PERDANA MENTERI IALAH TIGA ORANG LAGI ANGGOTA JAWATANKUASA KABINET ITU, MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENTERI URUH DAN TENAGA RAKYAT DATUK LEE SAN CHOON DAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF.

PERWAKILAN KERAJAAN SABAHKE MESYUARAT ITU DIKETUAI OLEH PEMANGKU KETUA MENTERI DATUK JAMES ONGKILI TIPA DI SINI TERDAHULU.

MENGENAI PERLAKSANAAN LAPORAN ITU DI KEDUA-KEDUA NEGERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IALAKAN DIUAT SEPAK SAHAJA DISETUJUI OLEH PIHAK KESATUAN.

KATA NYA, KELAMBATAN MELAKSANAKAN LAPORAN ITU DI SABAH DAN SARAWAK ADALAH ATAS PERMINTAAN KEDUA-DUA NEGERI.

MENGENAI PENEMPATAN PROJEK PAJA UREA, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN MENIMBANGKAN PERKARA ITU BUKAN SAHAJA DARI SEGI PERASAAN TEMPATAN TETAPI JUGA KEMUNGKINAN EKONOMINYA. -- BERSAMBUNG 1520/RH

MAHATHIR 3 KUCHING

BELIAU BERKATA DENGAN ADANYA PROJEK GAS CECAIR DI BINTULU DAN LAIN-LAIN FAKTOR YANG BAIK ADA HARAPAN BESAR PROJEK PAJA UREA ITU AKAN DITEMPATKAN DI SARAWAK.

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH PULA MEMPERITAHU PARA PEMERITA BAHAWA KEMENTERIANNYA SEDANG MENGAJI PERMINTAAN KERAJAAN SARAWAK SUPAYA DIHAPUSKAN CUKAI EKSPORT BARANGAN TERTENTU TERMASUK LADA HITAM DAN MINYAK SAWIT.

KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN YAKUB, PARA TIMBALAN KETUA MENTERI DATUK SIM KHENG HONG, DATUK ALFRED JABU DAN DATUK DUNSTAN ENDAWI, MENTERI-MENTERI KABINET DAN KETUA JABATAN MENYAMBUT KETIBAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA DI LAPANGAN TERBANG. -- BERNAMA 1532/LK

EE